

Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam

Noraida Harun
Jady@ Zaidi Hassim

Abstrak

Rasuah dalam sektor awam dan swasta telah menjadi satu masalah utama bagi kerajaan. Rasuah merupakan gejala serius yang sering menjadi topik perbincangan sejak akhir-akhir ini terutamanya dalam media massa. Di samping itu juga, pelbagai kesan negatif yang akan timbul akibat daripada masalah rasuah ini. Objektif utama penulisan ini dibuat adalah untuk melihat gejala rasuah yang berlaku dalam pentadbiran tanah. Justeru itu, trend jenayah rasuah dalam pentadbiran tanah yang semakin meningkat amatlah membimbangkan kerana ia boleh menggugat kepercayaan orang ramai terhadap institusi pejabat tanah. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti punca masalah rasuah, beberapa cadangan penambahbaikan dan jalan penyelesaian bagi mengekang jenayah ini dari terus berlaku. Perbincangan ini turut mengupas Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) adakah mampu memberi penyelesaian kepada permasalahan jenayah ini. Kajian kepustakaan dan kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa punca masalah rasuah yang telah dikenal pasti berlaku dalam pentadbiran tanah dan ASPRM 2009 turut dilihat masih longgar dalam usaha untuk mengekang masalah rasuah ini. Penulisan ini akan mengutarakan beberapa cadangan penambahbaikan menurut perspektif Islam dalam menjamin kepentingan dan hak-hak semua pihak yang terlibat.

Kata kunci: rasuah, pentadbiran tanah, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, cadangan dan penyelesaian menurut undang-undang Islam.

Abstract

Corruption in the public and private sector has become a major problem to the government. Corruption is a serious problem that has become a topic of debate lately, especially in the mass media. Several negative effects will arise as a result of this corruption problem. The main objective of this paper is to analyse the prevailing corruption in land administration. Thus, the trend of corruption in land administration is deeply rooted and it could jeopardize public confidence in the institution of land office. This paper aims to identify the factors of the problem of corruption, recommendations and solutions to curb these crimes from occurring and to identify whether Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC Act 2009) is able to provide solutions to the problems of the crime. The library research and content analysis method are being used in this study. The finding of this research shows that there are several factors of corruption have been identified occurring in the land administration. The MACC Act 2009 appears to have a lot of loopholes in the effort to curb the problem of corruption. This study will highlight some of the proposed recommendations according to Islamic perspective to ensure the interests and rights of all parties involved.

Keywords: corruption, land administration, Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, recommendations and solutions according to Islamic law.

Pengenalan

Rasuah merupakan kesalahan yang telah lama dilakukan dalam sejarah tamadun manusia. Ahli sejarah mendapati amalan rasuah ini berlaku serentak dengan kewujudan dalam sistem pemerintahan dan politik (Zulkifli, 1990). Buktinya sejarah menunjukkan bahawa kesan rasuah telah menyebabkan bekas presiden Filipina Ferdinand Marcos digulingkan daripada kerajaan akibat amalan rasuah yang tidak terbandung. Begitu juga di Iran, Shah Reza Pahlavi terpaksa melarikan diri daripada kerajaannya akibat daripada revolusi rakyat akibat rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran (Mohd Shauki, 2004). Ini jelas menunjukkan kejatuhan sesebuah kerajaan itu adalah akibat daripada sikap buruk masyarakat itu sendiri. Selain daripada itu juga, perbuatan rasuah ini sebenarnya bukan hanya berlaku dalam sistem pemerintahan sahaja malah boleh dikatakan dalam setiap jenis urusan seperti pengurusan, pentadbiran tanah, sukan dan juga pendidikan.

Rasuah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) ialah pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap). Dalam bahasa Inggeris, memberi rasuah dikenali sebagai '*bribery*' dan menerima rasuah diistilahkan sebagai '*corruption*'. Manakala, Syed Hussein Alattas (1995) dalam bukunya menyatakan rasuah merupakan penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Beliau telah menyenaraikan beberapa ciri-ciri rasuah dan di antaranya rasuah sentiasa melibatkan lebih dari satu orang atau pihak, secara keseluruhan rasuah melibatkan rahsia di antara mereka yang terlibat, rasuah mempunyai elemen tanggungjawab bersama dan keuntungan bersama, dalam bentuk wang atau yang lain, pengamal rasuah berusaha untuk menyamakan aktiviti dengan menggunakan justifikasi dari segi undang-undang sebagai jalan terakhir, orang yang terlibat dalam rasuah adalah orang yang mahukan keputusan yang pasti, mereka juga mahukan pihak yang boleh mempengaruhi keputusan-keputusan tersebut, mana-mana tindakan rasuah melibatkan penipuan, yang biasanya dilakukan terhadap sektor awam, swasta atau masyarakat umum, dan rasuah juga melibatkan percanggahan dwifungsi bagi mereka yang memerlukannya. Jika dilihat daripada ciri-ciri seperti yang dinyatakan menunjukkan rasuah adalah pencurian melalui penipuan yang boleh mengkhianati sesuatu kepercayaan yang merupakan amanah diberikan (Taqiuddin, Hafiz, 2008)

Dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Harun Bin Haji Idris* (No.2) [1977] 1 MLJ 15, Hakim Mahkamah Persekutuan, Raja Azlan Shah telah memutuskan bahawa: "Corrupt is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or a guilty mind, then he is liable under the section. Thus if the accused used his position to solicit gratification with a guilty mind, he is caught within the ambit of the section. The real point is whether there is a soliciting a political donation with a corrupt intention" Dalam kes ini perkara penting dalam menentukan seseorang itu melakukan rasuah adalah dengan niat jahat untuk melakukan rasuah. Kewujudan elemen niat juga turut ditekankan dalam kes *Lim Kheng Kooi*

v Reg [1957] 1 MLJ 199, rasuah bermaksud seperti berikut: “doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil feelings and evil intention.”

Menurut seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) mentakrifkan suapan rasuah seperti berikut: (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tidak alih atau apa-apa manfaat seumpamanya; (b) jawatan, kebesaran, pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; (c) bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain sama ada keseluruhan atau sebahagian; (d) apa-apa jenis balasan berharga, diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; (e) perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau barang berharga; (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain seperti perlindungan daripada penalti atau ketakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah sama ada sudah dimulakan atau tidak dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau kuasa atau kewajipan rasmi; dan (g) tawaran, aku janji atau janji sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a)-(f). Oleh yang demikian, kesalahan rasuah menurut Akta ini boleh dikategorikan seperti meminta dan menerima rasuah, menawar atau memberi rasuah, membuat tuntutan palsu dan menyalahgunakan jawatan dan kedudukan.

Walaupun rasuah boleh didefinisikan dengan pelbagai cara tetapi maksudnya tetap sama iaitu pemberian, penerimaan atau penawaran sesuatu yang bertujuan melakukan perkara yang tidak digalakkan sama ada oleh undang-undang atau peraturan harian tertentu yang berkaitan dengan tugas (Nur Syakiran, Md Zawawi, 2004). Di samping itu, rasuah tidak hanya terbatas kepada pemberian berupa wang, hadiah atau sebagainya kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pulangan atau habuan dengan cara mudah untuk kepentingan dirinya sendiri atau kelompok malah ia juga merangkumi aspek motif, strategi dan wawasan dan perundangan (Shofian, 2008).

Rasuah Dari Perspektif Islam

Perkataan rasuah berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘rasha,’ yang bermaksud tali yang diikat pada timba bagi mengambil air daripada peri. Jika dikaitkan dengan perbuatan rasuah ia bermaksud cara yang digunakan oleh seseorang untuk mencapai matlamatnya (mendapatkan air) (Shofian, 2008). Rasuah juga digambarkan melakukan perbuatan mengambil atau memberikan sesuatu harta atau hukuman secara tidak hak atau batil dan dalam al-Quran sendiri dengan jelas melarang umat Islam daripada mengambil atau menerima sesuatu secara batil. Dalam konteks ini Allah berfirman:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu

(memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah 2:188)

Ayat di atas menerangkan dengan jelas tentang pengharaman rasuah dalam Islam. Pengharaman rasuah adalah kerana ia banyak memberi kesan kepada ekonomi sesebuah negara dan juga masyarakat khususnya.

Manakala hadis daripada Rasulullah SAW menjelaskan pengharaman rasuah dan pemberi dan penerima rasuah akan dilaknati oleh Allah. Dari Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

“Allah melaknat pemberi dan penerima rasuah dalam sesuatu hukuman”

(Riwayat Tarmizi, Ahmad & Ibn Majah)

Hadis riwayat Abu Daud, Rasulullah SAW telah bersabda:

“Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan, itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah”

Imam al-Ghazali (1986) berpesan dalam kitabnya, Ihya' Ulum al-Din:

“Apabila larangan (rasuah) itu begitu tegas, maka sepatutnya seorang hakim atau penguasa dan yang seumpamanya sentiasa memperkira-kira dirinya. Kalau (hadiah yang diterima) akan terus diterimanya walaupun selepas dia meletakkan jawatannya, maka bolehlah diterimanya walaupun ketika dia sedang memegang jawatan itu. Tetapi sekiranya pemberian itu kerana jawatannya, dan tidak akan diterima lagi selepas dia meletakkan jawatannya, maka haram dia menerimanya...”

Oleh itu, seseorang itu perlulah berhati-hati dalam menerima sesuatu pendapatan atau imbuhan sama ada ia berbentuk rasuah atau hadiah atau gaji atau bonus. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin boleh menyebabkan seseorang itu terjebak dalam jenayah dan dosa yang akan memberi kesan buruk kepada agama dan masyarakat.

Kesedaran mengenai bahaya rasuah telah lama diakui dalam ajaran Islam yang mengharamkannya melalui ayat al-Quran dan Hadis. Akibat daripada jenayah rasuah banyak kesan yang tidak baik berlaku kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara khususnya. Ia menimbulkan keadaan di mana golongan kaya akan bertambah kaya manakala golongan miskin

akan bertambah miskin. Jenayah ini juga menyebabkan individu yang lebih berhak tidak akan mendapat manfaat dan sebaliknya mereka yang tidak berhak pula mendapat manfaatnya (Mahadzirah, Nor Azman, Masir, Wan Yusof, Norhilmi & Fazida, 2014). Melihat permasalahan rasuah ini dari kaca mata Islam ialah kurangnya penghayatan terhadap Islam dan tiada nilai dan etika yang menyebabkan wujudnya amalan rasuah dalam kalangan masyarakat (Asiah, Nuridah, 2008). Justeru itu hanya iman dan moral kemanusiaan yang tinggi mampu menyelamatkan seseorang individu itu daripada terus terjerumus dalam kancah jenayah rasuah.

Rasuah dalam Pentadbiran tanah

Statistik Tangkapan Suruhan Pencegahan Rasuah 2015 seperti jadual 1 di bawah menunjukkan penglibatan penjawat awam sama ada daripada kumpulan Pengurusan dan Professional (P& P) mahu pun kumpulan sokongan dalam gejala rasuah.

	Sektor Penjawat Awam (Terdiri daripada pihak Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Profesional dan Sokongan)	Sektor Awam (Terdiri daripada pihak swasta, orang awam, Ahli Majlis dan ahli Politik)	Jumlah Tangkapan rasuah
2011	323	595	918
2012	288	413	701
2013	170	339	509
2014	224	328	552
2015	398	443	841

Jadual 1: Penglibatan Penjawat Awam dan sektor Awam Dalam Gejala Rasuah (Sumber: www.sprm.gov.my)

Pada tahun 2011 hingga 2013, terdapat penurunan dalam catatan jumlah kes rasuah oleh penjawat awam tetapi terdapat perbezaan peningkatan jumlah kes sebanyak 54 kes pada tahun 2014. Melihat kepada statistik di atas, penglibatan penjawat awam dalam jenayah rasuah adalah meningkat pada tahun 2015 sebanyak 174 kes. Ini menunjukkan penglibatan penjawat awam dalam jenayah rasuah berada pada satu tahap yang membimbangkan kerana ini adalah merupakan satu perkembangan yang tidak sihat jika tidak dibendung dengan kadar segera.

Kes-kes berkaitan rasuah yang dilaporkan di dada-dada akhbar tempatan mengenai isu membabitkan penjawat awam yang terlibat dalam jenayah rasuah dalam pentadbiran tanah turut dilaporkan. Di bawah disertakan beberapa contoh berita oleh akhbar tempatan mengenai *modus operandi* dalam jenayah rasuah adalah seperti berikut:

No	Akhbar	Modus Operandi
.		

1	Bernama Online (Dua Beranak Dituduh rasuah Pegawai Pejabat Tanah, 2011)	Rasuah kepada pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) pada 11 Disember 2010. Suapan itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka kerana menggunakan doket pengeluaran pasir yang tidak sah, satu kesalahan mengikut Seksyen 426(1) KTN.
2	Sinar Harian Online : (Farah Shazwani, 2011)	Seorang Pembantu Am Rendah yang bertugas di Pejabat Tanah Kuala Terengganu telah dituduh atas kesalahan menerima rasuah sebanyak RM1,300 untuk menukar hak milik tanah.
3	mStar Online: (Salwa Sha'ari, 2011)	Tertuduh yang merupakan kakitangan kerajaan gred NT27 di Pejabat Daerah dan Tanah, Hulu Langat, didakwa meminta wang tunai RM2,000 daripada pengusaha pasir sebagai dorongan untuk tertuduh tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap kerja-kerja pengeluaran pasir tanpa permit di Jalan Sungai Lui, Hulu Langat.
4	SPRM: (S.O. Kanan Pejabat Tanah & Galian (PTG) Pahang di penjara, Denda Kerana Terima Rasuah, 2012)	Pegawai Penempatan (S.O.) Kanan di Pejabat Tanah & Galian, Pahang, menghadapi satu pertuduhan menerima suapan berupa wang tunai sebanyak RM1,500.00 bertujuan untuk melindungi kegiatan membeli batu curi di kuari Batu Panching.
5	Berita Harian Online:(Dua Pegawai Tanah Melaka Didakwa Rasuah, 2012)	Dua termasuk seorang Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Negeri didakwa menerima rasuah RM5,000 supaya tidak mengambil tindakan pengambilan balik tanah di Lot 2288, Mukim Sungai Udang, Melaka.
6	Kosmo Online: (Nuzul Sham Shamsuddin, 2013)	Penolong Pegawai Tanah (NT17) di Unit Penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Galian telah menerima cek untuk menjelaskan sepenuhnya pinjaman Bank Pertanian Malaysia sebagai balasan membabitkan tanah yang dijadikan cagaran pinjaman.
7	Sinar Harian Online: (Tuan Buqhairah, 2014)	Tiga kakitangan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak termasuk dua daripadanya pegawai didakwa di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menerima suapan RM 2000 daripada penyelia tapak tanah supaya tidak menahan lori-lori yang membawa tanah merah keluar dari tapak bukit yang mempunyai permit sah.
8	Sinar Harian Online:	Penolong Pegawai Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta mengaku bersalah menerima rasuah melibatkan wang dan cek

	(Penolong Pegawai Tanah Mengaku Salah Rasuah, 2014).	berjumlah RM7, 572 daripada dua usahawan syarikat pasir.
9	Sinar Harian Online: (Dua Penjawat Awam Terima Padah Ambil Rasuah, 2015)	Dua penjawat awam, Penolong Pegawai Kanan Pejabat Tanah daerah Kota Tinggi didakwa menerima cek bernilai RM5,000 daripada syarikat pembalakan sebagai dorongan membantu syarikat berkenaan mendapatkan kelulusan permohonan membersihkan dan mengeluarkan kayu di Mukim Sedili Besar, Kota Tinggi dan Pekerja Rendah Am didakwa atas empat pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM64,000 secara berasingan di masa dan lokasi berbeza sekitar Kulajaya dan Kota Tinggi.
10	Sinar Harian Online: (Penolong Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah didenda, 2015)	Seorang penolong pegawai tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen selepas mengaku bersalah terhadap lima pertuduhan rasuah antara Mei 2011 hingga Julai 2012 daripada pihak yang mempunyai hubungan kerja rasmi dengannya.

Hasil analisa berita daripada keratan akhbar tempatan di atas mendapati pelbagai *modus operandi* yang dikenal pasti dalam melakukan jenayah rasuah. Hal ini memang tidak dapat dinafikan kerana amalan rasuah merupakan amalan yang sering dilakukan oleh penjawat awam. Oleh sebab itu, kepercayaan, amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka telah dicemari demi kepentingan diri sendiri apabila rasuah dijadikan sebagai jalan pintas demi memenuhi kemahuan dan keuntungan kepada diri sendiri tanpa memikirkan kesan buruk yang akan terjadi.

Manakala di peringkat antarabangsa pula terdapat beberapa pengukuran asas bagi kelakuan rasuah antaranya ialah Corruption Perceptions Indeks (CPI). Pengukuran indeks tersebut dijalankan oleh Transparency International (TI) yang menjadi asas petunjuk untuk mengukur indeks rasuah di peringkat negara (Yusof, 2010). Walaupun pencapaian Malaysia dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2014 menunjukkan Malaysia berada lebih baik iaitu di tempat ke-50 daripada 175 negara berbanding tempat ke-53 tahun lalu, namun soal rasuah dan salah guna kuasa tetap perlu menjadi perhatian semua pihak. Dengan erti kata lain, amalan rasuah ini haruslah segera dibanteras kerana ia memberi kesan yang buruk sama ada daripada sudut politik, masyarakat sosial dan juga kepada ekonomi sesebuah negara (Sarah, Adib, 2013).

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (ASPRM 2009)

Kerajaan telah memperkenalkan Akta Pencegahan Rasuah pada tahun 1961 dan Akta ini kemudiannya telah dipinda pada tahun 1997 iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997. Secara amnya

adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 bagi mana-mana orang yang secara rasuah meminta, menerima, menawarkan, memberikan atau menjanjikan apa-apa suapan (Zulkipli, 2005). Akta 1997 ini pula telah digantikan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Akta ini diperkenalkan bagi menangani dan membanteras gejala rasuah dan penyelewengan. Akta ini turut memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran kepada penjawat awam supaya mengamalkan sikap amanah dalam melaksanakan tugas. Namun, di samping akta yang disediakan, sikap integriti yang tinggi, kerajaan yang stabil, sistem perkhidmatan awam dan infrastruktur yang cekap dan baik adalah perlu bagi mengurangkan berlakunya jenayah rasuah ini.

Seksyen 24 ASPRM 2009 menyediakan penalti bagi kesalahan rasuah yang boleh membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali nilai suapan, yang mana lebih tinggi. Persoalan utama yang perlu dibuktikan ialah pemberi rasuah perlulah mempunyai niat untuk melakukan rasuah. Dengan hukuman kesalahan bagi jenayah rasuah dan hukuman penjara selamat empoh tidak melebihi 20 tahun, denda yang dikenakan tidak juga mengurangkan kes rasuah daripada berlaku. Mungkin hukuman ini dirasakan tidak seberapa oleh individu yang melakukan jenayah rasuah ini. Faedah yang diperoleh melalui suapan mungkin melebihi daripada hukuman yang akan diterimanya. Oleh itu satu mekanisme lain adalah perlu bagi memastikan gejala ini dapat ditangani.

Dari segi hukuman, contohnya di Singapura, dalam seksyen 13 (1) *Prevention of Corruption Act 1960* terdapat peruntukan memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memerintahkan penerima rasuah membayar denda setara dengan jumlah suapan yang diterima olehnya selain daripada hukuman dalam bentuk denda dan/atau penjara. Ini menunjukkan penerima rasuah tidak patut menikmati apa-apa faedah daripada kegiatan rasuah yang dilakukan. Kerajaan Malaysia bolehlah memikirkan untuk memasukkan fasal penalti ini dalam ASPRM 2009 iaitu satu perintah pembayaran denda di mana mahkamah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pesalah yang disabitkan kesalahan untuk membayar denda jumlah yang sama dengan jumlah suapan atau nilai suapan yang diterima sebagaimana yang di praktis di Singapura. Ini adalah kerana, jika hanya pemberi rasuah ditangkap, ia tidak menghapuskan budaya rasuah ini jika penerima rasuah tidak turut dibawa ke muka pengadilan (Justin, 2012).

Di samping itu juga dalam akhbar Berita Harian (2014) turut memaparkan cadangan pemberi rasuah haruslah menerima hukuman yang lebih berat. Hukuman yang berat perlu diberi kepada pesalah rasuah sama ada penerima atau pemberi rasuah agar dapat menjadi pengajaran kepada masyarakat umum untuk tidak terjebak dalam gejala rasuah. Sejarar dengan statistik yang dikeluarkan oleh SPRM mengenai tuduhan kesalahan rasuah mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2005 hingga 2012 peratusan yang tertinggi kesalahan yang dilakukan ialah kesalahan memberi rasuah (753 kes), menerima rasuah (595 kes), tuntutan palsu (241 kes), salah guna kuasa (79 kes) dan lain-lain kes sebanyak 424 kes, maka wajarlah pemberi rasuah dan penerima rasuah diberi balasan yang setimpal di atas perbuatan mereka.

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA RASUAH DALAM PENTADBIRAN TANAH

Persoalan kenapakah perbuatan rasuah dilihat semakin hari semakin serius?. Pelbagai faktor penyebab mengenai isu rasuah ini. Oleh itu, amalan rasuah lazimnya berlaku di pejabat tanah disebabkan oleh faktor – faktor berikut:

Pertama: Peluang

Peluang turut menjadi penyumbang terhadap masalah rasuah apabila orang yang terlibat dengan masalah ini dikatakan mempunyai peluang ataupun kesempatan melakukan perkara tersebut. Untuk melakukan rasuah, keadaan yang bersesuaian adalah perlu. Sekiranya seseorang menuntut sesuatu yang dianggap penting daripada pihak kedua, maka pihak kedua yang mengetahui tuntutan tersebut adalah penting untuk orang yang meminta, maka ini telah memberi peluang terhadap pihak kedua untuk menerima sesuatu ganjaran daripada orang tersebut bagi memastikan pihak kedua memberikan apa yang diinginkan oleh orang tersebut. Peluang yang dianggap terbuka luas apabila kedua - dua pihak saling bekerjasama memenuhi kehendak masing-masing dengan mempertaruhkan amalan rasuah sebagai kaedah bagi menjayakan segala keinginan masing - masing. Menurut Zameri dan Azmin (2011) wujudnya peluang juga berlaku apabila orang yang terlibat dengan masalah ini dikatakan mempunyai kesempatan untuk melakukan perkara tersebut apabila kedua-dua pihak saling bekerjasama antara satu sama lain untuk memenuhi tuntutan kehendak mereka.

Kedua: Lemah Sahsia peribadi

Kebanyakan punca rasuah ini juga dikatakan berlaku disebabkan oleh faktor yang terdapat pada diri individu itu sendiri. Kelemahan sahsiah peribadi adalah satu masalah yang sukar untuk ditangani sehingga menyebabkan diri mereka terbabit dalam kancah amalan rasuah. Aspek kelemahan individu amat mempengaruhi nilai yang ada pada diri seseorang. Kelemahan individu mungkin berpunca daripada kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas, faktor kerakusan dan sikap tamak, sikap mahu hidup mewah dan bermegah-megah, ingin cepat kaya serta mementingkan diri sendiri merupakan pendorong berlakunya rasuah bagi mereka yang lemah keperibadiannya. Di samping itu juga, kurangnya penghayatan terhadap Islam dan tiada nilai dan etika juga merupakan antara punca-punca yang menyebabkan wujudnya amalan rasuah (Annis Nazira, 2009).

Ketiga: Kerenah Birokrasi

Birokrasi juga dikatakan sebagai suatu peluang wujudnya masalah rasuah di dalam sektor pentadbiran tanah. Seringkali karehna birokratik dianggap perkara yang melambatkan sesuatu perkara dalam urusan pengurusan hal ehwal berkaitan tanah. Keadaan menjadi kritikal apabila

melalui birokratik, kehendak - kehendak seseorang sering terbatas ataupun lambat. Oleh itu, keadaan ini telah mewujudkan peluang rasuah bagi memastikan kehendak seseorang menjadi lebih cepat sehinggakan perkara yang remeh temeh juga dikaitkan dengan rasuah bagi memastikan seseorang yang berkehendakkan sesuatu mendapat kehendaknya dengan segera (Ahmad Martadha, Nur Syakiran, Md Zawawi, 2014). Contohnya rasuah dikatakan banyak berlaku di Pejabat Tanah bagi mempercepatkan urusan, bahkan ia sudah menjadi amalan biasa di kalangan mereka yang kerap berurusan di jabatan itu. Kelewatan proses kelulusan permohonan dan prosedur kawalan longgar di pejabat tanah dan amalan menyogok wang ini berlaku apabila ada pelanggan yang sedia membayar sogokan bagi mempercepatkan sesuatu urusan.

Keempat: Kelemahan peraturan atau sistem pelaksanaan kerja.

Longgarnya tatacara dan peraturan kerja atau kelemahan dalam sistem pelaksanaan kerja itu sendiri, boleh menyebabkan sesebuah jabatan itu sentiasa terdedah kepada perlakuan-perlakuan seperti jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dan kakitangan. Di samping itu juga perlulah ada ketelusan dalam membuat keputusan bagi Pentadbir Tanah demi mengelakkan penggunaan kuasa budi bicara tanpa kawalan seperti untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, pilih kasih atau salah guna kuasa. Komitmen dan sikap bertanggungjawab semua kakitangan bagi memastikan ketelusan tatacara kerja dan pelaksanaan kerja adalah sangat penting bagi menghindari daripada berlakunya rasuah dalam pentadbiran tanah. Di samping itu juga, kesedaran membenci rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan perlu sentiasa dipublikasikan sepanjang masa melalui pelan-pelan tindakan yang disertai dengan program seperti kempen kesedaran ceramah nilai murni, pembentukan SOP (Standard Operating Procedure) bagi tugas-tugas yang berisiko rasuah, mengamalkan pusingan kerja, mewujudkan ruang aduan dan lain-lain. Publisiti yang meluas dengan sendirinya memberi ketakutan kepada pelaku rasuah dalaman atau pengkhianat dalam pejabat tanah samada diperingkat bawahan atau atasan (Chuah, 2008).

Kelima: Masalah Kenaikan Kos Sara Hidup

Masalah kenaikan kos sara hidup individu serta pendapatan atau gaji yang diterima tidak setimpal dengan keadaan persekitaran ekonomi semasa yang semakin mencabar terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan bandar yang memerlukan sumber kewangan yang tinggi untuk menampung kos sara hidup. Masalah ini telah menyebabkan sesetengah pihak terpaksa mengambil jalan mudah dengan melakukan amalan rasuah. Dengan erti kata lain, tekanan hidup menyebabkan seseorang mudah terjebak dengan gejala rasuah (Yusof, 2010).

CADANGAN PENYELESAIAN MENURUT ISLAM

Di antara cadangan penyelesaian jenayah rasuah dalam pentadbiran tanah menurut perspektif Islam adalah seperti berikut:

- a. Menanamkan konsep mu'ahadah, murqabah, muhasabah, mu'aqabah dan mujahadadalam diri individu

Faktor dalaman individu adalah penyebab utama berlakunya jenayah penipuan, setiap individu perlu menanamkan dalam diri beberapa konsep yang dapat menghindari diri daripada perbuatan penipuan. Terdapat lima konsep yang diperkenalkan oleh Abdullah Nasih Ulwan iaitu (1) konsep Mu'ahadah iaitu mengingati perjanjian dengan Allah; (2) konsep Muraqabah iaitu selalu diawasi dan disertai oleh Allah; (3) konsep Muhasabah iaitu tahu kemampuan yang ada padanya, tahu posisi dan peribadinya dalam berinteraksi dalam persekitarannya; (4) konsep Mu'aqabah iaitu memberi hukuman terhadap diri sendiri; (5) konsep Mujahada iaitu bersungguh-sungguh dalam kehidupan optimis dalam bekerja dan berjuang (Kamal Mahyudin, 1998).

- b. Mengamalkan Budaya Kerja Cemerlang (BKC).

Antara ciri-ciri cemerlang dalam budaya kerja ialah sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan dengan berkualiti seperti tekun, khusyuk, ikhlas, konsisten dan amanah. Terdapat empat komponen utama penentu BKC dalam Islam selain daripada aspek nilai pada kerja yang dilaksanakan iaitu sumber pekerjaan hendaklah bersifat halal dan tidak mengandungi perkara-perkara haram atau bersifat 'syubhah' seperti hasil rasuah atau penipuan. Kedua, cara melaksanakan kerja perlu bersih seperti hendaklah tidak dengan cara peras ugut, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan kedudukan. Ketiga, hendaklah natijah yang dihasilkan tidak membawa keburukan kepada manusia dan alam sejagat. Yang keempat, hendaklah ia dihasilkan melalui nilai kerja yang cemerlang seperti ikhlas, tekun, amanah dan komited dalam kerja (Sharifah Hayati, 2008). Oleh yang demikian, proses awal untuk melahirkan satu budaya kerja yang cemerlang adalah dengan membentuk sikap pekerja terhadap kerja (work attitudes). Sikap ini dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu penglibatan dalam kerja, kedua, kepuasan kerja dan ketiga, komitmen kerja. Ketiga-tiga faktor ini apabila dapat dibudayakan mampu melahirkan suatu budaya kerja yang cemerlang dalam sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, sifat positif terhadap kerja adalah amat penting dalam pentadbiran Islam.

- c. Tadbir Urus yang baik

Cabaran ke arah mencapai tadbir urus yang baik (good governance) adalah perlu untuk membanteras kejadian rasuah dalam pentadbiran tanah yang tidak berkesudahan. Untuk mencapai tadbir urus yang baik, perkara utama yang perlu diselesaikan adalah soal ketelusan (transparency) dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Justeru itu, usaha untuk membentuk dan menghidupkan tadbir urus yang baik akan terencat jikalau gejala rasuah tidak ditangani dengan bersungguh-sungguh oleh semua pihak sama ada kerajaan atau swasta, pemimpin atau rakyat jelata. Penyalahgunaan kuasa oleh para pegawai atau kakitangan akan memudaratkan kepercayaan rakyat tentang ketelusan pejabat tanah. Kerajaan haruslah berfungsi sebagai entiti yang mengamalkan governans yang baik demi kepercayaan rakyat terhadap pejabat tanah tentang

keselamatan hak milik tanah mereka (Faridah, 2012). Dengan erti kata lain, tadbir urus yang baik adalah jantung kepada pentadbiran tanah yang baik. Pentadbiran tanah yang berjaya memerlukan akauntabiliti, institusi yang stabil, telus dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah (Tan, Khadijah, 2012).

d. Hukuman rasuah (*ta'zir*) menurut Islam

Kesalahan rasuah menurut Islam tidak dimasukkan di bawah hukum *hudud* atau *qisas* dalam al-Quran dan al-Sunah. Ia termasuk dalam kategori *ta'zir* dan dianggap sama dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam seperti berjudi, berkhawat dan penyalahgunaan dadah (Shofian, 2008). Terdapat beberapa bentuk hukuman yang boleh diterimapakai dengan melihat kadar dan kesan kesalahan yang dilakukan oleh pemberi atau penerima rasuah. Antara bentuk hukuman *ta'zir* tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Memberi nasihat kepada individu yang pertama kali melakukan kesalahan rasuah yang kecil agar tidak mengulangnya lagi pada masa akan datang
- (b) Memberi teguran rasmi dengan mengeluarkan ucapan atau melakukan tindakan tertentu agar orang yang melakukan kesalahan rasuah akan berusaha untuk memperbaiki dirinya dan tidak mengulangnya lagi pada masa hadapan. Teguran ini akan diberikan oleh hakim.
- (c) Mengancam pemberi dan penerima rasuah agar tidak mengulangi kesalahannya kerana takut dikenakan hukuman seperti dilucutkan daripada jawatan.
- (d) Hukuman pemuluan terhadap pesalah. Hukuman pemuluan dikenakan kepada pesalah agar sedar bahawa beliau tidak akan dapat bergaul dengan orang lain dalam masyarakat.
- (e) Membuat pengisytiharan kepada umum tentang kesalahan perasuah seperti di media massa. Dengan pengisytiharan ini pesalah akan berasa tertekan dan malu dengan perbuatan mereka.
- (f) Denda dan merampas harta, iaitu hukuman berbentuk kewangan dan merampas harta yang dimiliki oleh pesalah.
- (g) Mengenakan hukuman penjara dalam tempoh yang tertentu mengikut pertimbangan keadaan semasa.
- (h) Mengenakan hukuman sebat kepada pesalah dengan jumlah sebatan yang tertentu mengikut keadaan masa.
- (i) Hukuman bunuh. Hukuman bunuh sebagai *ta'zir* dibenarkan oleh syarak kepada pemerintah ke atas orang yang melakukan kesalahan, jika hukuman tersebut dapat memelihara kepentingan umum masyarakat dan negara.
- (j) Hukuman buang daerah. Hukuman ini dikenakan supaya penjenayah mengalami kesusahan dan tersisih akibat dipisahkan daripada kaum keluarga dan sahabathandai (Al-Zuhayliy, 1989, Paizah, 1991).

Oleh itu, cadangan hukuman yang dikenakan menurut Islam seperti di atas adalah wajar difikirkan oleh kerajaan untuk dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mengekang jenayah rasuah daripada terus merebak dalam masyarakat dan negara agar penerima dan pemberi rasuah mendapat hukuman yang setimpal dengan perbuatan jenayah yang mereka dilakukan.

KESIMPULAN

Usaha yang bersestematik dan bersungguh-sungguh adalah penting bagi memastikan gejala rasuah dapat dibendung. Kerajaan juga perlu menangani masalah ini secara bersepadu dan menerapkan nilai-nilai murni dalam semua aspek serta meningkatkan etika dan integriti dalam pentadbiran agar dapat mendidik penjawat awam supaya bebas daripada gejala rasuah. Justeru itu, penulis bersetuju dengan pendapat yang menyatakan bahawa faktor rasuah lebih kepada sikap individu itu sendiri. Oleh yang demikian, gaji yang rendah, perasaan tamak, peluang, birokrasi, penguatkuasaan yang lemah bukan lagi alasan sekiranya terbinanya sikap menolak rasuah dari dalam diri setiap individu. Walaupun jenayah rasuah tidak dikenakan hukuman *hudud* dalam undang-undang jenayah Islam, namun Islam membenarkan pihak berkuasa mengenakan hukuman *ta'zir* keatas pelakunya daripada seringan-ringan hukuman hingga seberat-beratnya bagi membanteras jenayah rasuah dan menghukum kesalahan pelakunya.

RUJUKAN

- Ahmad Martadha Mohamed. Nur Syakiran Akmal Ismail. Md Zawawi Abu Bakar. (2014). "Personel Integrity as A Guiding Principle for Fighting Corruption" dalam Journal of New Government Paradigm. vol. 1, h. 14-27.
- Al Ghazali. (1986.) Ihya Ulum al-Din. Jil.2. Beirut: dar al-Fikr.
- Al-Zuhayliy. (1989). Al-Fiqh al-Islamiyya Adillatuhu. Jil.6. Beirut: dar al- Fikr.
- Annis Nazira Ismail. (2009). Penipuan Dalam Urusan Pindahmilik Tanah, Kajian Kes: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Asiah Bidin, Shariffah Nuridah Aishah. (2008). Jenayah Rasuah Dan Pecah Amanah Di Kalangan Pengarah Syarikat: Mengenalpasti Punca Masalah Dan Cadangan Penyelesaiannya Menurut Islam. Kertas kerja, Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, Pusat Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 15 Oktober 2008.
- Bekas Penolong Pengarah Pejabat Tanah Dipenjara (2014). Jumaat 21 Mac, Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my>
- Cadangan Pemberi Suapan Terima Hukuman Berat Wajar (2014). Jumaat 12 Disember. Berita Harian Online, <http://www2.bharian.com.my>
- Chuah Chang Man (2008). "Memelihara Integriti Nasional: mempertingkatkan Keberkesanan Usaha memerangi Rasuah" dalam Jurnal INSTUN. Vol1(2), h. 36-48.
- Dua Beranak Dituduh Rasuah Pegawai Pejabat Tanah (2011). Selasa 18 Januari. Bernama Online, [http:// www.bernama.com](http://www.bernama.com)

- Dua Pegawai Tanah Melaka Didakwa Rasuah (2012). Rabu 18 April. Berita Harian Online, <http://www2.bharian.com.my>
- Dua Penjawat Awam terima Padah Ambil Rasuah (2015). Rabu 8 April. Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my>
- Farah Shazwani Ali. (2011). Rabu 2 Mac. "Di Tuduh Tukar hak Milik tanah". Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my>
- Faridah Mohd Tap (2012). Rasuah: Cabaran Besar Wujudkan Tadbir Urus Baik. Majalah Milenia Muslim. h. 41.
- Justin Wee Kim Fang. (2012). "Overview of the Anti-Corruption Laws in Malaysia" dalam Jurnal Law Review (LR). Jilid 176, h.181.
- Kamal Mahyudin Harun.(1998). Abdullah Nashih Ulwan Menuju Ketakwaan (Terjemahan). Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali, Masir Mohamad, Wan Yusof Wan Chik, Norhilmu Muhammad, Fazida Karim. (2014). Kualiti Hidup, Pendekatan Maqasid Syariah. Kuala Terengganu :Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohammad Taquiddin Mohamad. Mohd. Hafiz Abdul Wahab. (2008). Rasuah dan Pertumbuhan Ekonomi: Perbandingan Antara Indonesia dan Malaysia. Kertas kerja, Persidangan International Conference Islamic Economic and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being, Kediri, Indonesia, 25-26 Julai 2008.
- Mohd Shauki Abdul Majid. (2004). Wacana Hadhari Dalam Islam. Kuala Lumpur : Book Publication Sdn Bhd.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. Md Zawawi Abu Bakar. (2004). Rasuah....? Katakan Tidak, <http://repo.uum.edu.my/1908/1/47.pdf>, dimuat turun pada 4 Ogos 2015.
- Nuzul Sham Shamsuddin. (2013). Selasa 29 Januari."Pegawai Tanah Didakwa Rasuah." Kosmo Online, www.kosmo.com.my
- Paizah, Ismail. (1991).Undang-undang Jenayah Islam. Selangor : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Penolong Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah didenda (2015). Jumaat 3 Julai. Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my>
- Penolong Pegawai Tanah Mengaku Salah Rasuah (2014). Rabu 3 Disember. Sinar Harian Online, <http://www.sinarharian.com.my>
- S.O. Kanan Pejabat Tanah & Galian (PTG) Pahang Di penjara, Denda Kerana Terima Rasuah (2012). Jumaat 30 November. SPRM Online, <http://www.sprm.gov.my/s-o-kanan-pejabat-tanah.html>
- Salwa Sha'ari (2011). Sabtu 23 April. "Rasuah Pasir: Penolong Pegawai Tanah Dipenjara Tiga Bulan, Denda RM10, 000". Star Online, www.mstar.com
- Sarah Dina Mohd Adnan. Mohd Adib Ismail. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII 2013 (PERKEM VIII). Jilid 1 : 246-253.
- Sharifah Hayati al-Qudsy.(2008). "Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia". dalam Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 19, h. 199-202.
- Shofian Ahmad. (2008). Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam. Al-Syariah, Jilid 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 62-85.

- Syed Hussein Al-Attas. (1995). *Rasuah, Sifat Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Liat Choon, Khadijah Hussin. (2012). Towards E- Government's 3D Property. *International Journal of Scientific & Engineering Research*. 3(3), <http://www.ijser.org>
- Temu bual dengan Encik Zameri bin Mat Zin, Pengarah SPRM negeri Terengganu dan AzminYusoff, Penguasa Kanan, SPRM negeri Terengganu, Tingkat 10, Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail, Peti Surat 6000, 20720 Kuala Terengganu, Terengganu, 8 Mei 2011.
- Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan. (2014). Rabu 12 Mac. "Staf Pejabat Tanah Terima Rasuah". *Sinar Harian Online*, <http://www.sinarharian.com.my>
- Yusof Pon. (2010). *Pembangunan Integriti di Malaysia*. Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Pembangunan Wilayah Ekonomi, Perundangan dan Pentadbiran Malaysia dan Indonesia, Riau, Indonesia, 7-9 Jun 2010.
- Zulkifli Mahmood. (1990). *Pencegahan Rasuah dari Pengalaman Badan Pencegah Rasuah*. Kertas kerja, Seminar Etika Pengurusan Amalan Masa Kini dan Arah Masa Depan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 13 Mac 1990.
- Zulkipli Mat Noor. (2005). *Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam Membasmi Rasuah di Malaysia*. Dlm Mazlin Musa et.al. (ed.) *Etika Dan Integriti Di Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

Noraida Harun
Pensyarah Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin
noraida@unisza.edu.my

Jady @ Zaidi Hassim
Profesor Madya Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,
jady@ukm.my